

Projek Benteng Parit Mahang, penduduk kampung terselamat

Oleh: Iffatul Hannani Binti Dzulkifli

KUALA SELANGOR: Tindakan awal yang diambil oleh ketua kampung ekoran banjir kilat yang sering berlaku saban tahun telah menyelamatkan penduduk Kampung Parit Mahang daripada dilanda bah yang teruk.

Ketua Kampung Parit Mahang, Baharom Hussein berkata, sistem perparitan yang tidak dibaik pulih telah menyebabkan beberapa kawasan di sekitar Ijok dan Parit Mahang ditenggelami air sewaktu musim tengkujuh.

“Pada awalnya, sistem perparitan di sepanjang Kampung Parit Mahang dan Ijok dalam keadaan yang baik.

“Akan tetapi, sejak kerja-kerja pembinaan lebuh raya Latar dijalankan, sistem perparitan mulai mengalami gangguan saliran air,” katanya.



Haji Baharom Hussien (di tengah) ketika ditemu ramah di rumahnya yang terletak di Kampung Parit Mahang, Kuala Selangor.

Katanya, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, masalah banjir kilat masih belum dapat diatasi.

Baharom mengambil inisiatif dengan melaksanakan projek benteng bersama segelintir penduduk kampung di sekeliling Kampung Parit Mahang bertujuan untuk menghalang limpahan air daripada memasuki kawasan kampung tersebut.



Benteng yang dibina oleh ketua kampung dan segelintir penduduk Kampung Parit Mahang sebelum berlakunya banjir kilat.

“Terdapat beberapa kawasan yang turut ditenggelami air disebabkan oleh air pasang. Antaranya, di tempat-tempat yang berhampiran dengan parit dan juga di kawasan tanah rendah,” katanya lagi.

Baharom berkata, inisiatif Kerajaan Negeri Selangor adalah membaik pulih sistem perparitan di beberapa kawasan yang terjejas.

“Sebanyak lapan kunci air akan dibina dan dijangka akan siap dalam tempoh sekurang-kurangnya empat tahun,” ujarnya.

Lebih 200 penduduk telah dipindahkan ke empat pusat pemindahan sementara (PPS) di daerah ini sejurus selepas kediaman mereka dilanda banjir bermula pada 18 November yang lalu.

Menurut salah seorang mangsa banjir, Ainul Wafa Zulmaidi, pelbagai bantuan daripada badan-badan kebajikan NGO, Adun Ijok serta pihak masjid yang berbentuk keperluan asas telah diagihkan kepada semua mangsa banjir.

Beliau berkata, mereka terdiri daripada penduduk Kampung Seri Sentosa, Kampung Sri Aman dan Kampung Parit Mahang yang mana telah terlibat dalam masalah banjir kilat setinggi 0.3 meter itu.